

02/12/1998

Tuntutan Cuepacs tidak wajar dipertikai

Kakitangan Awam

SAYA tertarik untuk turut sama memberi pandangan terhadap tulisan N Naza berkaitan tuntutan Cuepacs dianggap keterlaluan dalam hal pemberian bonus kakitangan awam. Selepas meneliti tulisan saudara, tergerak di hati saya untuk memberi sedikit pandangan. Untuk pengetahuan, saya adalah seorang kakitangan awam gred R11 bergaji sekitar RM600 sebulan. Saya mula berkhidmat pada 1991. Pemberian bonus mula diberi oleh kerajaan pada 1993 hingga 1997. Terima kasih diucapkan kepada kerajaan yang prihatin terhadap kakitangan awam terutama golongan berpendapatan rendah. Keputusan yang diambil oleh kerajaan untuk tidak memberi bonus ketika pembentangan Belanjawan 1999 diterima oleh semua pihak. Saya juga akur dengan keputusan ini. Buktinya tiada bantahan dibuat oleh kakitangan awam sama ada melalui media massa atau bantahan secara terbuka.

Apabila terbaca surat saudara, saya berpendapat pandangan yang diberi adalah keterlaluan. Saudara seolah-olah menulis mengikut pandangan peribadi tanpa melihat persekitaran. Saudara hanya memfokuskan soal pemberian bonus tanpa meninjau realiti sebenar yang dialami oleh kakitangan awam. Saya bukan bertujuan berpihak kepada Cuepacs, sekadar keluhan daripada seorang kakitangan awam yang berpendapatan rendah. 800,000 kakitangan awam adalah daripada pelbagai gred membabitkan kakitangan rendah hinggalah golongan Gred A atas. Gaji yang diterima mengikut bidang dan kelulusan. Bayangkan seorang yang bergaji sekitar RM600 hingga RM800 sebulan untuk menampung anak yang ramai. Cuba kita lihat, berapa ramai pekerja sambilan seperti menjadi ejen jualan langsung, penjaja di pasar malam, bekerja sambilan selepas waktu bekerja adalah kakitangan awam? Malah, ada kakitangan awam pertengahan turut membabitkan diri dengan kegiatan menambah pendapatan secara sambilan ini. Sebabnya, untuk menampung pendapatan yang tidak cukup untuk menyara keluarga. Jadi, janganlah dipersoal tuntutan Cuepacs kerana ia mewakili 800,000 kakitangan awam.

Cuba kita lihat pula pengorbanan yang dicurahkan oleh kakitangan awam terutama sewaktu negara dilanda kegawatan ekonomi. Cuepacs menandatangani memorandum kepada kerajaan dalam hal yang berkaitan tuntutan dan penyemakan semula gaji kakitangan awam. Ini termasuk Elaun Perumahan sebanyak RM90 sebulan. Cuba bayangkan secara realiti adakah kadar RM90 sewa rumah di Malaysia bertepatan? Jangan kata rumah, sewa bilikpun lebih daripada itu. Namun, kita terima dan tidak langsung mempersoalkan apa-apa. Kerana kegawatan ekonomi, kerajaan melaksanakan pemotongan gaji kakitangan awam Kumpulan A. Malah, semua kakitangan awam diwajibkan menderma kepada Tabung Dana Khas Negara.

Seterusnya kerajaan melebihkan masa bekerja bagi sektor tertentu untuk memberi perkhidmatan yang mencukupi kepada orang awam. Contohnya, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bekerja sehingga jam 6 petang untuk memberi lebih ruang kepada orang awam berurusan. Lebihan masa bekerja ini tidak dibayar dengan elaun lebih masa. Bagi guru pula, kerja lebih masa adalah amalan biasa.

Cuba kita tinjau secara rambang kepada golongan pendidik ini. Kerja sekolah yang terpaksa dibawa pulang ke rumah menjadi satu kemestian. Kadangkala cuti umumpun adalah waktu bekerja walaupun tidak secara formal. Golongan yang bekerja di bawah Kementerian Kesihatan juga tidak terkecuali. Bagi mereka yang bekerja di Klinik Desa atau pusat kesihatan terutama di kampung atau di tanah rancangan (Felda, Felcra dan sebagainya)

akan merasai pengalaman pintu rumah diketuk pada waktu malam. Apakah patut kita biarkan mereka yang memerlukan rawatan kecemasan semata-mata ia di luar waktu kerja?

Saudara cuba membuat perbandingan bonus yang diterima oleh kakitangan awam dengan sektor swasta. Adalah diakui masalah kemelesetan ekonomi amat dirasai terutama pekerja swasta. Cuba kita toleh ke belakang sejenak. Ketika negara belum dilanda kegawatan, ramai pekerja swasta tersenyum setiap hujung tahun. Bonus yang diterima jauh melebihi gaji sebulan. Bagi syarikat yang kukuh, mereka mampu membayar empat, lima bulan atau lebih sebagai bonus kepada pekerjanya. Cuti sehari pada Sabtu setiap bulan cuba dijadikan perbandingan. Bagi pekerja swasta, mereka sudah merasai cuti setiap Sabtu. Keputusan kerajaan untuk memberi cuti pada Sabtu berkenaan tidak berkaitan dengan pemberian bonus. Keputusan kerajaan lebih menjurus kepada usaha untuk menggalakkan rakyat pergi melancong. Malah, cuti berkenaan terpaksa pula diganti dengan kerja lebih masa pada hari lain mengikut kesesuaian.

Cubalah jangan kaitkan dengan masyarakat kampung yang bergantung hidup kepada hasil pertanian dan tangkapan ikan. Kita akui masalah ini terutama pada 70-an dan 80-an. Kerajaan sudah melaksanakan banyak program untuk membantu golongan ini seperti Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT), pemberian pinjaman Amanah Saham Bumiputera (ASB) kepada rakyat termiskin, pemberian subsidi kepada petani dan sebagainya. Sehingga kini, golongan ini tidak lagi menjadi golongan terbiar walaupun tidak seratus peratus.

Kakitangan awam memahami bebanan yang ditanggung kerajaan akibat kegawatan dan sama-sama mengikat perut menghadapi keadaan ini. Namun, sebarang permohonan atau tuntutan terutama oleh Cuepacs janganlah dipertikaikan. Tuntutan yang dibuat adalah mengikut saluran yang betul dan ia menjadi satu tugas Cuepacs memperjuangkan nasib kakitangan awam. Malah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri bersedia menemui wakil Cuepacs pada pertemuan yang dirancang. Apa saja keputusan hasil daripada pertemuan ini, saya rasa semua kakitangan awam bersedia menerima dengan hati terbuka.

Kita seharusnya lebih peka sebelum membuat sebarang teguran atau komen. Jika saudara membuat komen terbuka kepada Cuepacs ini bermakna saudara membuat teguran terbuka kepada 800,000 kakitangan awam seluruh negara. Ingatlah rezeki datang daripada Allah. Setiap manusia di muka bumi ini diwajibkan mencari rezeki yang halal. Komen saudara seolah-olah cuba mempertikaikan rezeki kami kakitangan awam.